



KERATAN AKHBAR



KHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	5/1/2017	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Biro Kebajikan UMNO agih kit barang keperluan

Pasir Mas: Biro Kebajikan UMNO akan mengagihkan 10,000 kit bekalan barang keperluan di negeri ini secara berperingkat melalui ketua UMNO bahagian bagi membantu mangsa banjir di 81 pusat pemindahan di lapan daerah yang dilanda bencana itu.

Pengerusinya, Datuk Shamsul Anuar Narsah, berkata bantuan akan digandakan mengikut jumlah mangsa di 81 pusat pemindahan yang dibuka di lapan daerah di negeri ini.

"Difahamkan pusat yang menempatkan mangsa paling ramai adalah di Rantau Panjang dengan 7,864 penduduk daripada 2,876 keluarga dan tumpuan lebih akan diberikan ke kawasan berkenaan," katanya selepas mengagihkan bantuan kepada mangsa bencana itu, di sini semalam.

Shamsul Anuar berkata, bantuan itu diagihkan di pusat pemindahan terlebih dahulu dan pihaknya juga mahu mengelak isu pembaziran makanan kali ini.

Tunggu laporan kerugian

Di Rantau Panjang, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman ketika ditemui selepas menyerahkan bantuan makanan kepada mangsa banjir di sekitar Kampung Kedap dan Lubok Gong, berkata kementerian masih menunggu laporan kerugian ditanggung sektor pertanian.

"Laporan akan dikemukakan oleh agensi berkaitan untuk kementerian mengenal pasti nilai kerugian dan kerosakan dialami. Setakat ini, banjir masih belum surut dan berada di paras bahaya yang menyukarkan agensi terbabit mengumpul laporan penuh.

"Apabila nilai kerugian selesai ditaksir, kementerian akan membantu petani dalam bentuk benih dan baja, selain melalui Tabung Ihsan Banjir kepada mereka yang memerlukan," katanya.

(FOTO BERNAMA)



Shamsul Anuar (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Persekutuan Mukim Telaga Emas Madrasah Kok Batu, Che Husien Ismail di Sekolah Kebangsaan Kok Pauh Rantau Panjang, semalam.

Fakta nombor

12,543 MANGSA

banjir di Kelantan


11,423 MANGSA

banjir di Terengganu

274 MANGSA

banjir di Sabah

(FOTO FATHIL ASRI/BH)



Antara kenderaan yang terperangkap di stesen bas lama Pekan Rantau Panjang akibat limpahan air Sungai Golok.

Mangsa dipindah meningkat

➔ Kuala Terengganu, Pitas di Sabah jadi daerah terbaru terjejas banjir

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim, Suzianah Jiffar, Faizul Azlan Razak dan Recquel Raimi**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mangsa banjir dipindahkan di Kelantan terus meningkat kepada 11,729 orang semalam, yang turut menyaksikan Kuala Terengganu menjadi daerah terbaru terjejas akibat bencana itu yang turut melanda Pitas di Sabah.

Setakat jam 7 petang semalam, semua mangsa daripada 3,932 keluarga terbabit kini ditempatkan di 68 pusat pemindahan di lapan daerah, iaitu Pasir Mas, Kuala Krai, Tanah Merah, Machang, Tumpat, Bachok, Kota Bharu dan Pasir Puteh, namun Jeli yang sebelum ini mempunyai mangsa paling ramai sudah pulih sepenuhnya.

Sungai lepassi paras bahaya Sungai Golok di Rantau Panjang dan Sungai Kelantan di Jam-

batan Guillemard sudah melepasi paras bahaya, manakala paras beberapa sungai lain, termasuk Sungai Kelantan di Tangga Krai dan Jeti Kastam, membimbangkan.

Di Terengganu, jumlah keseluruhan mangsa di lima daerah yang dilanda banjir menurun semalam, kecuali Dungun yang mencatatkan peningkatan jumlah mangsa setakat jam 8 malam tadi. Kuala Terengganu daerah terbaru dilanda bencana itu, menjadikan keseluruhan tujuh daerah di negeri itu dilanda banjir.

2 pusat pemindahan dibuka Dua pusat pemindahan dibuka di Kuala Terengganu, dengan 43 mangsa daripada 13 keluarga ditempatkan di Dewan Komuniti Bukit Petili dan SK Bukit Guntong.

Sementara itu, 11 jalan Persekutuan dan 17 jalan negeri di lima daerah, termasuk Jalan Aring di Kenyir, Hulu Terengganu, ditutup kepada kenderaan berikutan dinaiki air sehingga dua meter, selain tanah runtuh.

Di Sabah, seramai 274 penduduk daripada 63 keluarga di Pitas dipindahkan ke dua pusat pemindahan, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Rukom yang menempatkan 27 keluarga dan Dewan Terbuka Kampung Bilangau (36 keluarga) selepas kampung mereka dinaiki air berikutan hujan lebat sejak malam kelmarin.

10 kampung terjejas

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sabah, Kolonel Muliadi Al-Hamdi Ladin, berkata 10 kampung terjejas ialah Kampung Bilangau Besar, Rukom Ulu, Sinasak Batu, Sibaung, Kusilad, Pandan Mendamai, Salimpodon Darat, Pinggan-Pinggan, Indah dan Dandun.

Pegawai Daerah Pitas yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Bubudan O T Majaju, berkata enam jalan utama turut dinaiki air iaitu Jalan Utama Kampung Tambilidon, Kampung Pinggan-Pinggan, Salimpodon Darat, Indah, Kusilad dan Pandan Mendamai.